

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger
Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online
Or Not?

JEBAT
Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



COVID-19: DISEBALIK #KITAJAGAKITA

Nur Dalila Adenan

Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

Penularan wabak pandemik penyakit berjangkit, Covid-19 di Malaysia semakin membimbangkan. Justeru, 18 Mac 2020, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan pastinya menjadi satu catatan sejarah serta pengalaman yang tidak dapat dilupakan buat Staf Residen Kolej (SRK) dan penuntut di semua Institusi Pengajian Tinggi khususnya di UiTMCTKD. Pengurusan pelajar di peringkat kolej kediaman perlu memainkan peranan penting pada saat genting seperti ini.

Dilema Pelajar

Setelah pengumuman rasmi PKP dibuat, para pelajar diminta terus kekal di asrama, kolej kediaman dan rumah sewa masing-masing dalam tempoh PKP. Namun, pelajar yang telah bersiap untuk pulang ke pangkuan keluarga ditahan di Pos Pengawal memandangkan tiada pengangkutan awam merentas negeri yang beroperasi sejurus selepas pengumuman oleh Perdana Menteri Malaysia menerusi media perdana. SRK telah dihubungi kerana pelajar tidak berganjak dan mungkin dalam keadaan kebimbangan dengan pengumuman



tersebut. Ibu bapa yang berjauhan tidak putus-putus menghubungi pihak SRK untuk memastikan keselamatan anak-anak mereka di kampus. Suasana suram disulami tangisan membuatkan keadaan menjadi hinggar. Proses memujuk pelajar untuk pulang ke bilik di kolej kediaman masing-masing agak sukar memandangkan kejadian seperti ini adalah pengalaman baru bagi semua pihak. Maka, bermulalah tugas yang mencabar buat semua SRK yang bertindak sebagai penasihat, kaunselor, kaunter pertanyaan ibu bapa pelajar dan yang paling utama adalah berperanan dalam menguruskan kebajikan pelajar di kampus termasuk kesihatan fizikal-emosi, keperluan serta makan minum yang turut ditanggung oleh kerajaan dan UiTM.

Mesyuarat Secara Dalam Talian (Online)

Bagi memastikan pengurusan pelajar yang baik serta gerak kerja yang teratur, mesyuarat dan perbincangan dilakukan secara dalam talian yang dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Keberadaan para pelajar, kebajikan dan pengurusan dirancang dan disemak untuk memudahkan setiap urusan sepanjang berada di kampus terutama prosedur yang melibatkan kesihatan dan keselamatan para pelajar. Namun, kerjasama yang diberikan oleh semua pihak mampu melancarkan setiap proses sepanjang tempoh PKP.

Tugas SRK

Staf Residen Kolej (SRK) Bahagian Hal Ehwal Pelajar, bertanggungjawab untuk urusan sahsiah, pembangunan pelajar dan kebajikan pelajar yang tinggal di kolej kediaman atau di

luar kampus (NR). Selain itu, SRK membantu perihal kebajikan pelajar seperti menghantar pelajar untuk mendapatkan rawatan, khidmat nasihat dan seumpamanya. Lawatan ke bilik-bilik pelajar dilakukan mengikut jadual bertugas yang bertujuan memantau serta menyelami kehidupan pelajar di kolej terutama sepanjang PKP.

Headcount

Setiap malam sepanjang PKP, SRK mengambil inisiatif ke setiap bilik pelajar di kolej kediaman untuk memastikan mereka mematuhi SOP sewaktu PKP. Tiada laporan dicatatkan atas cubaan untuk keluar tanpa pengetahuan pihak yang berwajib. Semakan maklumat diri setiap pelajar dilakukan untuk memudahkan urusan terutama apabila berlaku kecemasan. Sesi kaunseling turut diberikan kepada para pelajar yang memerlukan, merangkumi pelbagai aspek bagi mengurangkan tekanan mereka.



Kebajikan Pelajar

Setiap hari, SRK terlibat dengan sesi



pengagihan makanan yang disediakan oleh pengurusan serta sumbangan daripada orang ramai untuk waktu sarapan, makan tengah hari dan makan malam di dewan makan kolej kediaman masing-masing manakala SRNR bertanggungjawab dalam hal ehwal non-residen termasuk agihan bahan makanan kering secara berkala kepada pelajar yang menyewa di sekitar dan berhampiran kampus. Justeru, pelajar yang mengalami masalah kesihatan (bergejala) diambil tindakan serius dengan melaporkan perihal tersebut kepada Ketua Unit Kesihatan untuk tindakan selanjutnya.

Khidmat Masyarakat

SRK dan pelajar yang terkandas di kampus bekerjasama menyiapkan 1500 buah face shield dengan kolaborasi bersama Malaysian Relief Agency (MRA) dalam masa 5 hari sebagai satu tanda sokongan dan terima kasih kepada para petugas barisan hadapan di hospital bagi memerangi Covid-19. Selain itu, aktiviti ini dapat membantu para pelajar mengisi waktu terluang dengan perkara yang berfaedah. Kutipan derma untuk sumbangan

face shield turut diadakan bagi membantu petugas barisan hadapan.




Pergerakan Pulang Pelajar UiTMCT

Penuntut di IPT dibenarkan pulang ke kampung halaman masing-masing, namun ia dilaksanakan berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) ketat yang dirangka oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). SRK turut terlibat dalam pengurusan pergerakan menghantar pelajar pulang. Cabaran utama adalah pengumpulan data setiap destinasi/IPD (Ibu

Pejabat Polis Daerah) per pelajar yang terdekat mengikut format yang dibekalkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan bergantung kepada status keselamatan di zon atau daerah berkenaan. Selain itu, proses melibatkan penyediaan dokumentasi perjalanan, saringan kesihatan, pengangkutan, makan minum serta pengaturan ke destinasi sebenar mengikut zon. Pengalaman yang sukar dilupakan adalah bertugas sebagai pegawai pengiring kepada para pelajar bagi 6 buah IPTA/IPTS (Pantai Timur) ke KLIA dengan menaiki bas untuk menghantar pelajar Sabah dan Sarawak. Ia adalah proses yang memerlukan kerjasama semua pihak dan setiap pergerakan perlu mengikut prosedur khusus dan pelaporan khas kepada PDRM, wakil penerbangan, dan staf IPT yang bertugas.

Ucapan terima kasih dirakamkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi, TRHEP, SRK, UPKNR, Polis Bantuan, serta semua petugas barisan hadapan UiTM Cawangan Terengganu di atas komitmen yang diberikan sepanjang tempoh PKP. Pengurusan yang baik, kerjasama berpasukan dan semangat setia kawan adalah tunjang kepada kejayaan dalam melaksanakan tugas ini. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. #KitaJagaKita.





Simplify, slow down, be kind.
And don't forget to have art
in your life – music, paintings,
theater, dance, and sunsets...

Eric CARLE

Twitter



Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash